



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf  
Email Staf  
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti/Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni  
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Misi Jelajah Wilayah Selatan Promosi Awal UMK Jamboree Berbasikal IHRJR 2013](#)

## Misi Jelajah Wilayah Selatan Promosi Awal UMK Jamboree Berbasikal IHRJR 2013



UNIVERSITI Malaysia Kelantan Mountain Bike Club (UMKMTB) jalin kerjasama dengan Pokerz Bike Cyling Team, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dalam siri mempromosikan Program Jamboree Berbasikal – International Hard Rock Jeli Ride (IHRJR) 2013.

Jalinan kerjasama ini merupakan siri fasa pertama Program Jelajah Wilayah Selatan, adalah bertujuan untuk mempromosikan kejohanan sukan berbasikal yang bakal berlangsung di UMK Kampus Jeli pada September ini.

Program lawatan IHRJR 2013 ini adalah program perintis kepada UMKMTBCLUB selepas kejayaan menganjurkan Kejohanan Jamboree Berbasikal – Hard Rock Jeli Ride 2012 yang diadakan di UMK Kampus Jeli, pada 29 September 2012.

Seramai 20 staf terdiri daripada ahli kelab menyertai misi kali ini untuk menjalinkan kerjasama dengan Pokerz Bike yang merupakan sebuah kelab berbasikal daripada UTM yang telah bersetuju untuk bekerjasama bagi mempromosi program berkenaan di kawasan wilayah selatan terutama Johor dan Singapura.

Pada lawatan itu UMKMTBCLUB telah mengadakan perbincangan dengan Pokerz Bike malah Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, sendiri telah menyambut baik usaha murni itu untuk membantu memberi publisti serta promosi IHRJR 2013.



IHRJR 2013 bakal berlangsung di UMK Kampus Jeli merupakan program kali ketiga anjuran UMKMTBCLUB dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPPNK), Kementerian Pelancongan dan agensi-agens kerajaan.

Matlamat utama penganjuran program tersebut adalah untuk menghimpunkan peserta dan peminat basikal lasak tempatan dalam serta luar negara datang ke Negeri Siti Wan Kembang disamping menggalakkan sektor pelancongan di Malaysia.

Sementara itu, Siri Jelajah IHRJR 2013 ini dibahagikan kepada empat zon iaitu Wilayah Selatan, Wilayah Timur, Wilayah Utara dan Wilayah Tengah sebagai edisi pengenalan untuk mempromosikan jamboree berbasikal peringkat antarabangsa yang bakal berlangsung pada September 2013.

Zon Wilayah Selatan telah diadakan pada 24 hingga 26 Januari 2013 bermula di UTM, Skudai dan seterusnya berakhir di Singapura manakala bagi siri jelajah di wilayah Tengah, Utara dan Timur akan diadakan dalam tempoh terdekat sebelum berlangsungnya jamboree IHRJR pada September nanti.







Berita by : Syarime Wosley / Foto by : Jurugambar UMK&UTM



Bilangan Pelawat :  
301971

- [Penafian](#)
- [Dasar Privasi](#)
- [Dasar Keselamatan](#)
- [Soalan Lazim](#)
- [Hubungi Kami](#)
- [Bantuan](#)
- [Peta Laman](#)

Hakcipta © 2013 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.  
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly  
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan  
Tel : +609 - 7717000  
Fax : +609 - 7717022  
Email : webmaster@jumk.edu.my  
Tarikh Kemaskini: 29/01/2013, 17:00:59.